

PM bangga Malaysia buat mikro cip antena

BH- 25/2/2007.

Abdullah mahu Cip MM diguna organisasi di seluruh dunia

Oleh Azman Zakaria
dan Abdul Halim Yusoff

KUALA LUMPUR: Malaysia berjaya menghasilkan mikro cip terkecil mempunyai antena yang dibina terus dalam cip serta menggunakan frekuensi pelbagai gelombang, pertama seumpamanya di dunia menerusi projek Malaysia Microchip (Cip MM) yang dimulakan pada 2004.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata cip berdasarkan teknologi Pengenalan Frekuensi Radio (RFID) itu adalah teknologi terkini kombinasi teknologi berasaskan frekuensi radio dan teknologi mikro cip yang membolehkan setiap orang, bahan dan persekitaran dihubungkan melalui rangkaian digital bagi menyalurkan maklumat tertentu.

Beliau berkata, berdasarkan aplikasi, teknologi itu berpotensi mempermudah sesuatu proses dan boleh meningkatkan keberkesanan serta keselesaan orang ramai serta memberi ciri keselamatan tinggi.

"Hari ini saya dengan bangga mengumumkan, Cip MM dihasilkan Malaysia berjaya dibangunkan dengan cip yang lebih terkini MM2 dan MM3 kini dalam peringkat akhir diuji.

"Cip MM ini adalah teknologi terkini dengan mempunyai banyak ciri yang pertama di dunia. Dengan saiz hanya 0.5mm x 0.5mm x 0.7 mm, Cip MM ini adalah mikro cip terkecil di dunia yang mempunyai antena. Ia juga adalah mikro cip mengandungi frekuensi pelbagai gelombang yang pertama di dunia.

"Ciri seperti ini menjadikan Cip MM boleh disesuaikan untuk pelbagai kegunaan dan mempunyai keupayaan lebih daripada cip lain," katanya ketika melancarkan Projek Mikro cip Malaysia di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Abdullah yang juga pengerusi projek itu, berkata Malaysia ada hak terhadap teknologi cip itu bagi mereka bentuk, mengilang dan memasarkannya untuk pelbagai aplikasi.

Beliau mencabar penyelidik tempatan, saintis dan jurutera untuk membuktikan kepada dunia bahawa rakyat Malaysia mampu membangunkan lagi teknologi itu bagi menghasilkan aplikasi dan penyele-



KEPAKARAN TEMPATAN: Abdullah mencuba kayu golf diletakkan cip MM1 sambil diperhatikan (dari kanan) Pengarah Eksekutif Senstech Sdn Bhd, Datuk Dr Ahmed Tasir Lope Pihie; Penasihat Senstech Sdn Bhd, Tan Sri Dr Ahmad Zaharudin Idrus dan Radzi selepas majlis pelancaran Projek Mikro cip Malaysia di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam.

“ Dengan menjadi pencipta teknologi dan bukan semata-mata pengguna teknologi, Malaysia boleh meningkatkan rantai nilai ekonomi dan menempatkan diri dalam negara maju ”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

saan lebih terkini.

"Hanya dengan menjadi pencipta teknologi dan bukan semata-mata sebagai pengguna teknologi, Malaysia boleh meningkatkan rantai nilai ekonomi dan menempatkan dirinya dalam kalangan negara maju.

"Menjadi harapan saya, cabaran ini disahut supaya aplikasi dan penyelesaian Cip MM ini bukan saja digunakan sektor awam dan swasta di Malaysia, tetapi juga organisasi seluruh dunia," katanya.

Beliau berkata, kerajaan menerusi Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT), mewujudkan syarikat milik penuh, Senstech Sdn Bhd untuk mengemudi pembangunan aplikasi bagi tujuan komersial.

Pada masa ini, Cip MM digunakan dalam sivil B bagi filem diluluskan

Lembaga Penapisan Filem dan aplikasi e-bagasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, manakala sebuah universiti di Melaka akan memperkenalkan sistem RFID untuk memantau pelajarannya.

Sementara itu, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad, yang juga pengerusi bersama jawatankuasa projek itu berkata, penyelidikan dan pembangunan cip berkenaan membabitkan kos AS\$50 juta yang berjaya menghasilkan cip sebegitu kecil sehingga boleh dimasukkan ke dalam kertas atau sijil seperti sijil perkahwinan dan pasport, bagi mengelakkan pemalsuan.

Katanya, penggunaan cip itu diperluaskan ke setiap jabatan dan agensi kerajaan serta syarikat berkaitan kerajaan (GLC) sebelum diperkenalkan ke luar negara.